

19 JUN, 2021

FAMA sumbang hasil pertanian PERWIKISA

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2



FAMA sumbang hasil pertanian PERWIKISA

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada Pertubuhan Kebajikan Ihsan Wanita Islam (Perwikisa) kelmarin.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin itu disampaikan oleh Pengerusi Puspanita FAMA Datin Sabariah Othman.

Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan itu merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19 menerusi badan kebajikan.

Komoditi hasil pertanian

yang ada menerusi sumbangan MAFI Prihatin itu juga dapat membantu petani yang mengalami masalah lebih pengeluaran dan pemasaran ketika tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan penuh.

Antara komoditi yang disumbangkan ialah cili merah kulai, peria, labu manis, pisang berangan dan pisang tanduk sebanyak 500 kilogram (kg) secara keseluruhan.

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP Fasa Pertama ini, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan yang beroperasi pada pukul 8 pagi hingga 7 malam.

Ini bagi membantu petani

yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) atau menghubungi talian hotline FAMA di 019-7476754/013-3777100/010-7632684.

■ (DARI Kiri) Pemangku Timbalan Ketua Pengarah FAMA, Rosilawati Abu Hassan; Pengerusi Perkiwisa Che Salmah Mehamood, Datin Sabariah Othman dan Ahli Perwikisa yang juga Pengarah Kebajikan Yayasan Darul Rahmah, Dr. Khadijah Mohamad pada Majlis Penyerahan Sumbangan MAFI Prihatin di Bangi baru-baru ini.



19 JUN, 2021

FAMA sumbang hasil pertanian PERWIKISA

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) nienerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) i-menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada Pertubuhan Kebajikan Ihsan Wanita Islam (Perwikisa) kelmarin. Penyerahan bantuan MAFI Prihatin itu disampaikan oleh Pengerusi Puspanita FAMA Datin Sabariah Othman. Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan itu merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19 menerusi badan kebajikan.